

**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA  
CAWANGAN PERLIS**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN  
( ETR 300 )**

**ARNAFA CIRCUIT ENTERPRISE**

**LITAR LUMBA KERETA GO-KART  
( RIMBA )**

**SEDIAKAN OLEH :**

<b>ROHAIZIE BIN AZIZ</b>	<b>97219919</b>
<b>MOHD FAIRUS BIN ABU BAKAR</b>	<b>97110209</b>
<b>AZNIZAN BIN ABD RAHIM</b>	<b>97219416</b>
<b>NAZRUL ZAMRI BIN MOHD YUSOF</b>	<b>97219885</b>

**SEDIAKAN UNTUK :**

**EN. MOHD ZAIN BIN IDRIS**

# ISI KANDUNGAN

<b>Surat Pengesahan</b>	
<b>Surat Penyerahan</b>	<b>1</b>
<b>Surat Permohonan Pinjaman</b>	<b>3</b>
<b>Logo</b>	<b>5</b>
<b>Huraian Logo</b>	<b>6</b>
<b>Mukaddimah</b>	<b>7</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>8</b>
<b>Sinopsis Perniagaan</b>	<b>9</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>11</b>
<b>Tujuan Rancangan Perniagaan</b>	<b>13</b>
<b>Surat Perjanjian Perkongsian</b>	<b>14</b>
<b>Latar Belakang Ahli Kongsi</b>	<b>18</b>
<b>Latar Belakang Syarikat</b>	<b>22</b>
<b>Rancangan Pentadbiran</b>	<b>23</b>
<b>Rancangan Pemasaran</b>	<b>38</b>
<b>Rancangan Operasi</b>	<b>56</b>
<b>Rancangan Kewangan</b>	<b>76</b>
<b>Lampiran</b>	<b>96</b>

## **Sinopsis Perniagaan**

### **1. Nama Syarikat**

Kami menamakan perniagaan kami sebagai *Arnafa Circuit Enterprise*. Arnafa diperolehi melalui gabungan nama semua ahli kongsi iaitu Aznizan, Nazrul Zamri, Rohaizie dan Mohd Fairus. Penamaan syarikat ini adalah melalui perbincangan dan persetujuan dari semua ahli rakan kongsi.

### **2. Jenis Perniagaan**

Kami menjalankan perniagaan sebagai sebuah perniagaan perkongsian seramai 4 orang ahli rakan kongsi.

### **3. Perkhidmatan yang disediakan**

Kami menyediakan perkhidmatan seperti berikut :-

- Penyewaan Go-Kart untuk aktiviti sukan lumba kereta bermotor dengan bayaran yang berpatutan.
- Penyewaan Go-Kart untuk kelab-kelab tertentu sebagai menyambut hari ulangtahun syarikat mereka.

### **4. Lokasi**

Perniagaan yang kami jalankan terletak di kawasan perniagaan Mergong, Alor Setar Kedah. Bangunan pentadbiran kami terletak berhampiran dengan litar Go-Kart . ia terletak didalam kawasan lingkungan litar Go-Kart. Kawasan persekitaran yang damai, terletak berhampiran dengan perumahan, kawasan perusahaan, rekreasi penting dalam usaha untuk menarik pelancong asing dan tempatan menggunakan perkhidmatan kami.

## **5. Pasaran**

Pasaran perniagaan kami tertumpu kepada anak tempatan dari seluruh utara amnya yang berumur dalam lingkungan 15 – 45 tahun serta pelancong asing yang datang melawat negeri Kedah Darul Aman. Ia juga berdasarkan keadaan ekonomi semasa negara.

## **6. Persaingan**

Persaingan dalam perniagaan adalah suatu persaingan yang baik . Hal ini bertujuan untuk menjadikan sesebuah perniagaan lebih matang. Melalui persaingan juga akan mewujudkan sesebuah perniagaan memperbaiki segala kelemahan yang ada pada barang dan perkhidmatan mereka. Setelah membuat kajian , kami telah mengenal pasti beberapa pesaing yang telah bertapak dalam perniagaan perkhidmatan ini. Antaranya ialah :-

- Morac International Circuit Karting Sdn. Bhd
- City Karting Sdn. Bhd
- Aliff Enterprise

## **PENGENALAN**

Arnafa Circuit Enterprise adalah rancangan perniagaan perkongsian yang menggambangkan usaha sama empat orang anak muda dalam menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan pelumba handalan pada masa hadapan serta menjadikan negara ini berjaya menempa nama dalam sukan permotoran lumba kereta khususnya Formula One. Perkembangan industri ini telah menarik minat kami untuk meneroka serta mencuba bidang ini dan seterusnya memajukannya untuk negara. Walaupun terdapat persaingan, kami yakin dengan penerimaan masyarakat terhadap sukan Go-Kart di Malaysia, tidak menyekat peluang kami untuk maju dalam perniagaan ini. Oleh itu, kami mengambil peluang yang ada untuk menyediakan litar serta kemudahan yang terbaik dalam merealisasikan impian kami.

Arnafa Circuit Enterprise ditubuhkan secara perkongsian hasil sumbangan modal sebanyak RM 335370 oleh empat orang rakan kongsi serta pinjaman daripada Bank Bumiputra untuk menggerakkan perniagaan kami. Kami akan memulakan operasi pada 1 Januari 2005 dan ia tertakluk kepada perjanjian perkongsian yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh setiap ahli rakan kongsi.

Perniagaan kami menawarkan perkhidmatan sukan Go-Kart kepada pelbagai lapisan masyarakat dengan tidak mengira peringkat umur. Kami mengenakan bayaran harga yang berpatutan untuk jangka masa permainan yang ditetapkan. Untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, kami telah menggunakan sistem komputer yang canggih dalam menyelaraskan sistem masa untuk pelanggan kami. Kami juga membuka keahlian kelab untuk memudahkan pelanggan memudahkan perkhidmatan kami dan mereka akan mendapat pelbagai faedah keahlian.